

TARIKH : 11 FEBRUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 1 & 3

Malaysia tak alami kemelesetan

Prestasi KDNK 2022

Malaysia tak alami kemelesetan

7%
Ekonomi suku keempat 2022 lebih tinggi berbanding suku keempat 2021

8.7%
Pertumbuhan ekonomi Malaysia tertinggi dalam tempoh 22 tahun, terbaik di Asia Tenggara

2023
Pertumbuhan disokong pemulihan berterusan dalam pasaran buruh, lonjakan 'bentuk-V' sektor pelancongan serta pelaburan kukuh sektor awam dan swasta

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus memberi jaminan Malaysia tidak akan berdepan kemelesetan tahun ini meskipun ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya. Ia turut diperkukuhkan apabila ekonomi global juga masih berkembang.

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
→ Nasional 3



Malaysia tak alami kemelesetan

Ekonomi dijangka berkembang lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya

Oleh Mahanum Abdul Aziz dan Alzahrin Alias
bhbiz@nstp.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia tidak akan berdepan kemelesetan tahun ini meskipun ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan berbanding tahun sebelumnya, demikian menurut Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Membentangkan prestasi Keuaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi suku keempat dan prestasi tahun penuh 2022, di sini, semalam, beliau menegaskan ekonomi Malaysia akan terus disokong oleh pemulihan berterusan dalam pasaran buruh, jangkakan lonjakan semula 'bentuk-V'

untuk sektor pelancongan serta pelaburan kukuh daripada sektor awam dan swasta.

Selain itu, beliau berkata, ia diperkukuhkan apabila ekonomi global juga masih berkembang.

"Kita tidak melihat kemelesetan global (tahun ini). Malah, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) menyemak semula tinjauan awalnya bukan saja untuk tahun lalu, malah tahun ini.

"Faktor ini lebih daripada mencukupi untuk mengimbangi kesederhanaan dalam eksport yang akan berpunca daripada pertumbuhan global yang lebih perlahan," katanya.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kemungkinan ekonomi Malaysia berdepan kemelesetan tahun ini.

IMF baru-baru ini menyemak semula dengan menaikkan sedikit unjuran pertumbuhan ekonomi global bagi tahun ini kepada 2.9 peratus berbanding unjuran awal 2.7 peratus pada Oktober.

Ia adalah lebih rendah berbanding 3.4 peratus tahun lalu. Semakan itu dibuat berikutan permintaan yang kekal kukuh di

Amerika Syarikat (AS) dan Eropah, penurunan kos bahan api dan pembukaan semula ekonomi China selepas Beijing menamatkan sekatan ketat COVID-19.

Permintaan domestik kukuh
Nor Shamsiah berkata, pertumbuhan pada 2023 untuk negara juga akan dipacu permintaan domestik yang kukuh di tengah-tengah pertumbuhan perlahan ekonomi global.

Katanya, pemulihan dalam pasaran pekerjaan akan berterusan, sekali gus menyokong penggunaan swasta untuk terus berkembang.

Malah, jelasnya, pelaburan swasta dan awam di negara ini juga dilihat kekal kukuh.

"Ekonomi global masih berkembang. Kita tidak melihat kemelesetan global. Pertumbuhan pada 2023 akan didorong oleh permintaan domestik.

"Malaysia tidak akan berdepan kemelesetan," katanya.

Beliau menambah, unjuran rasmi pertumbuhan ekonomi tahun ini akan diumumkan dalam Belanjawan 2023 yang akan dibentangkan Perdana Menteri

yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 24 Februari ini.

Mengenai pencapaian ekonomi bagi keseluruhan tahun lalu, Malaysia mencatatkan peningkatan KDNK tertinggi dalam tempoh 22 tahun, iaitu sejak 2000 apabila berkembang pantas 8.7 peratus pada 2022, berbanding 3.1 peratus pada 2021.

Ia sekali gus menjadikan prestasi ekonomi negara pada tahun lalu adalah yang terbaik dalam kalangan negara Asia Tenggara.

Pada suku terakhir 2022, ekonomi negara berkembang 7.0 peratus dipacu oleh permintaan dalam negeri yang kukuh, sekali gus menyokong pertumbuhan bagi keseluruhan tahun lalu mengatasi unjuran awal sekitar 6.5 peratus hingga 7.0 peratus.

Ekonomi Malaysia meneruskan momentum pertumbuhan kukuh yang dicatatkan pada hujung 2021, dengan berkembang 5.0 peratus pada suku pertama 2022.

Momentum positif itu berterusan dengan memperlihatkan KDNK berkembang di luar jangkakan sebanyak 8.9 peratus pada suku kedua dan terus berkem-



Nor Shamsiah menunjukkan statistik KDNK suku keempat 2022, semalam.

bang pantas 14.2 peratus pada suku ketiga 2022, pertumbuhan terbaik di Asia Tenggara.

Nor Shamsiah, berkata prestasi memberangsangkan ekonomi negara pada tahun lalu disokong oleh pengembangan berterusan dalam permintaan domestik, pemulihan utuh pasaran kerja dan permintaan kukuh bagi elektrik dan elektronik (E&E) serta pemulihan aktiviti pelancongan.